



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

PENGENALAN ASAS REBAB KELANTAN

ZAPRI BIN MAT ZAIN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun



PustakaTBainun



ptbupsi

LAPORAN KERTAS PROJEK DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN MUZIK

**FAKULTI MUZIK DAN SENI PERSEMBAHAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
2015**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah**Abstrak**

PustakaTBainun



ptbupsi

Laporan projek pembangunan buku Pengenalan Asas Rebab Kelantan ini disediakan bagi memenuhi keperluan kursus APM6006 dalam program Sarjana Pendidikan Muzik di Universiti Pendidikan Sultan Idris. Penghasilan projek ini adalah bagi menambahkan lagi koleksi bahan dan sumber tentang permainan alat muzik rebab khususnya di negeri Kelantan. Penghasilan buku ini juga sedikit sebanyak akan menyumbang kepada pengkalan warisan kebudayaan dari luput ditelan zaman. Buku Pengenalan Asas Rebab Kelantan ini dibina berpandukan penerbitan buku Gaya Dewan. Untuk tujuan penilaian projek yang dihasilkan ini telah dijalankan temu bual terhadap tiga orang pemain rebab yang berpengalaman. Dapatan hasil temu bual menunjukkan kesemua responden bersetuju dengan segala aspek yang berkaitan dengan produk yang dihasilkan. Namun begitu terdapat juga sedikit kelemahan dalam penghasilannya dan cadangan-cadangan untuk menambahbaik bagi mengatasi kelemahan tersebut turut dibincangkan dalam bahagian akhir penulisan ini. Diharapkan dengan terhasilnya buku Pengenalan Asas Rebab Kelantan ini usaha mendokumentasikan kesenian tradisional warisan negara dapat dilaksanakan oleh mereka-mereka yang berminat dan memberi semangat kepada pencinta muzik tradisi mengusahakan penerbitan bahan-bahan yang lain pula.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

ABSTRACT

The project report on the development of the book The Basic Introduction to the Kelantanese Rebab has been prepared to fulfill the APM6006 course requirement for the Master Degree Programme in Music at Universiti Pendidikan Sultan Idris. The aim of this project is to add to the collection of materials and resource on the playing of the rebab musical instrument especially in Kelantan. The publication of this book will hopefully contribute towards the preservation of our culutural heritage. The basic introduction to the Kelantanese Rebab has been outlined based on the Dewan –style publication. For the purpose of the project evaluation, three experienced rebab players have been interviewed. The results of the interviews show that all the respondents agreed with every aspect relating to the product yielded. However, there were some weakness in its production and suggestions for improvements on how to overcome them are discussed in the last part of the writing. It is hope that with the production of this book, the effort to documentise the heritage of our country's traditional art can be carried out by those who are interested and encourage traditional music enthusiasts to work towards publishing other materials.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

KANDUNGAN

Perkara	Muka Surat
Perakuan	ii
Declaration	iii
Penghargaan	iv
Abstrak	v
Absract	vi
Kandungan	vi

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar Belakang Projek	6
1.3	Pernyataan Masalah	9
1.4	Tujuan Projek	11
1.5	KepentinganProjek	11
1.6	Batasan Projek	12
1.7	Definisi Istilah	13
1.8	Rumusan	13



BAB 2 PROSEDUR MEMBANGUNKAN PRODUK

2.1	Pengenalan	15
2.2	Mendapat dan Mengumpulkan Maklumat Data Berkaitan Rebab	17
2.2.1	Temu bual	18
2.2.2	Pemerhatian	22
2.2.3	Dokumentasi	23
2.2.4	Teknik analisis data	24
2.2.5	Prosedur merekod data	24
2.3	Mengklasifikasi Data Mengikut Tema dan Kategori	25
2.4	Menyusun, Menyunting Data dan Manuskrip Mengikut Topik	26
2.5	Rumusan	26



BAB 3 HURAIAN REKABENTUK PEMBANGUNAN PRODUK

3.1	Pengenalan	27
3.2	Bentuk dan Reka Bentuk Produk Yang Di bangunkan	30
3.3	Isi kandungan Asas Bermain Rebab	31
3.4	Rumusan	36

BAB 4 MENGUMPUL, MEMPROSES DATA DAN HURAIAN PRODUK

4.1	Pengenalan	37
-----	------------	----



4.2	Rebab	38
4.2.1	Organologi Rebab	40
4.2.2	Bahagian Rebab, Fungsi dan Lambang	41
4.2.3	Penalaan Reba	42
4.2.4	Memetik Tali Rebab	44
4.2.5	Menggesek Rebab	44
4.3	Teknik Bermain Rebab Secara Asas	47
4.3.1	Etika Persembahan, Postur Cara Duduk Pemain Rebab	47
4.3.2	Kedudukan Rebab Semasa Dimainkan	50
4.3.3	Memegang Rebab	51
4.3.4	Memegang Penggesek	52
4.3.5	Memasang Dan Membuka Pacat	53
4.3.6	Penetapan Notasi	54
4.3.7	Latihan Penjarian	55
4.3.8	Latihan Lagu	57
4.3.9	Penjagaan Rebab	58
4.4	Penggunaan Teknik Terbaru Dalam Pembuatan Rebab	62
4..5	Pemurnian Istilah Dan Fakta Mengenai Rebab dan Pemainnya	64
4.6	Cara Menukar Kunci Lagu	70
4.7	Rumusan	72
BAB 5	RUMUSAN DAN CADANGAN	
5.1	Pengenalan	74
5.2	Ringkasan Produk	75
5.3	Fungsi Produk	76
5.4	Sasaran Pengguna	77

5.5	Kekuatan dan Kelemahan Produk	78
5.5.1	Kekuatan	78
5.5.2	Kelemahan	79
5.6	Cadangan	80
5.7	Rumusan	81
RUJUKAN		82
SENARAI JADUAL DAN RAJAH		
Jadual 1	Jadual Kerja	16
Jadual 2	Temu Bual	20
Jadual 3	Isi Kandungan Produk	32
Jadual 4	Bahagian Rebab, Fungsi dan Lambang	41
Rajah 1	Kaedah Pengumpulan Data	17
Rajah 2	Menala Tali Rebab	43
Rajah 3	Menyapu Janawokem pada tali rebab	46
Rajah 4	Bersila Lendik	48
Rajah 5	Bersila Panggung	49
Rajah 6	Cara Memegang Penggesek	52
Rajah 7	Memasang dan Membuka Pacat	53
Rajah 8	Bentuk Kampuh A	55
Rajah 9	Pacat	59
Rajah 10	Susunan Tali Dalam Batang Suna	61
Rajah 11	Susu Rebab	67
Rajah 12	Tali Kembangan	71

Foto 1	Sessi Temu Bual	19
Foto 2	Organologi Rebab	40
Foto 3	Menala Tali Rebab	43
Foto 4	Penggesek Rebab	45
Foto 5	Seluka Kelapa	46
Foto 6	Bersila Lendik	48
Foto 7	Pemain Rebab Memegang Rebab Bersila Lendik	49
Foto 8	Kedudukan Rebab Semasa Dimainkan	50
Foto 9	Pemain Rebab Memegang Rebab Bersila Panggung	50
Foto 10	Memegang Batang Rebab	51
Foto 11	Cara Memegang Penggesek	52
Foto 12	Memasang dan Membuka Pacat	53
Foto 13	Cara Penyimpanan Rebab	62
Foto 14	Pemulas Rebab Ciptaan Baru	63
Foto 15	Kedudukan Jong Rebab Dalam Persembahan	65
Foto 16	Pemulas Rebab Tiga Tali	66
Foto 17	Motif Ukiran Pucuk Rebung Pada Kepala Rebab	68
Foto 18	Lubang Suara Pada Tempurung Rebab	69
Foto 19	Kedudukan Jong Rebab Dalam Persembahan Mak Yong	71



PENDAHULUAN

1.1: Pengenalan

Bab ini akan menerangkan fungsi rebab dalam muzik tradisi Melayu khususnya di kalangan masyarakat Melayu Kelantan di Malaysia serta menerangkan pengenalan berkaitan permainan rebab, teknik-teknik permainan dan ungkapan serta istilah yang diguna pakai oleh tenaga pengajar kepada pelajar baru di negeri Kelantan, secara tradisional. Ia juga merupakan pengenalan kepada latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, batasan kajian, definisi istilah dan metodologi kajian.



Rebab merupakan alat teknologi dan kebudayaan yang wujud hasil daripada kebijaksanaan masyarakat Melayu mengadaptasi alam sekitar mereka dengan keperluan hidup. Alat seni budaya ini berperanan menghasilkan alunan bunyi yang digunakan untuk mengiringi seni persembahan yang memiliki pelbagai fungsi dalam masyarakat. Antara alat teknologi seni persembahan Melayu yang masih wujud dan digunakan sehingga kini ialah rebab (tali tiga) iaitu alat muzik pembawa melodi permainan Makyung, Main Teri, dan Tarik Selampit. Pengiktirafan teater Makyung sebagai '*A Masterpiece of The Oral and Intangible Heritage of Humanity*' oleh UNESCO pada tahun 2005 sebagai warisan kesenian



dunia¹ dan pewartaan Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645) di Malaysia telah membuka mata pelbagai pihak tentang pentingnya usaha memelihara rebab sebagai artifak warisan tidak ketara negara.

Rebab merupakan sejenis alat muzik bertali (kordofon), mengikut klasifikasi alat muzik etnik bukan barat oleh Curt Sachs dan Erich Von Hornbostels (1914). Merriam (1964:224-225), telah memberi tiga fungsi penting muzik dalam masyarakat dengan menyebut:” *enforcing conformity to the social norm, validating social institutions and religious ritual, and contributing to the continuity and stability of culture*”. Muzik akan menguatkan nilai-nilai norma dalam masyarakat, institusi sosial dan ritual keagamaan serta menyumbangkan kesinambungan dan kestabilan kebudayaan. Beliau juga bersetuju setiap masyarakat mempunyai upacara atau peristiwa yang menggunakan muzik untuk menarik ahli masyarakat dan menyatukan mereka. Berdasarkan pendapat ini maka ia adalah sangat penting untuk menyatakan fungsi rebab dari aspek tradisional, pendidikan dan kontemporari.

Rebab mempunyai fungsi yang utama sebagai alat melodi dalam persembahan Makyung, Tarik Selampit dan Main Teri di Kelantan. Di Semenanjung Malaysia terdapat dua jenis rebab yang selalu digunakan mengikut ciri-cirinya yang tersendiri.

- a) Rebab Bertali Dua: Rebab jenis ini juga digunakan untuk mengiringi permainan seperti permainan Wayang Melayu, yang mana pada masa

¹www.unesco.org/culture/intangible-heritage/23apa_uk.htm



kegemilangannya permainan Wayang Melayu ini terdapat di Kelantan,

Terengganu dan Pattani, Selatan Thai.

- b) Rebab Bertali Tiga : Rebab jenis ini juga digunakan untuk mengiringi permainan Makyung, Menora Kelantan, Main Teri dan Selampit Kelantan yang terdapat disebelah pantai timur Tanah melayu seperti Kelantan, Terengganu dan Pattani. Rebab Bertali Tiga inilah menjadi tajuk yang dicadangkan dalam penghasilan projek ini, iaitu pengenalan asas Rebab Kelantan dan didokumentasikan untuk digunakan sebagai satu sumber rujukan yang betul secara tradisional khususnya pelajar-pelajar sekolah, anak-anak muda sebagai pelapis warisan seni menggantikan orang-orang lama dan pemain-pemain rebab yang telah tiada.

Rebab dimainkan dengan cara menggesek ke kiri dan ke kanan mengikut ketetapan lagu dan juga irama yang telah ditentukan. Pergerakan penggesek inilah akan menghasilkan getran bunyi yang mendayu-dayu dan mengusik jiwa. Pada umumnya telah dipersetujui bahawa perkataan 'Rebab' adalah berasal dari perkataan 'Rabab' iaitu sejenis alat muzik yang berasal dari Timur Tengah. Dalam jangkamasa yang begitu lama sudah bertapak di negara kita, rebab ini telah mengalami perubahan dari segi bentuk, skel, lagu dan tekniknya mengikut kesesuaian budaya dan selera masyarakat setempat sehingga terciptalah sebuah rebab seperti yang ada sekarang ini dengan identitinya yang tersendiri. Sebagaimana alat-alat muzik tradisional yang lain, rebab juga mempunyai nama timang-timangannya yang tersendiri dalam Bahasa Melayu iaitu *Umbang*. Adakah sebutan ini berasal dari perkataan *kumbang* kerana bunyi rebab dikatakan seakan-akan bunyi kumbang, atau lainnya tidak dapat dipastikan kerana setakat ini belum ada penyelidikan atau

kajian yang dibuat secara mendalam mengenainya. Cuma kalau dilihat dalam budaya kehidupan orang-orang Melayu Kelantan/Pattani dari dahulu hingga sekarang pun mereka ini cukup gemar memberi nama jolokan, gelaran dengan nama timangan, atau gelaran khusus kepada apa sahaja yang mereka sanjung atau yang mempunyai keistimewaan. Antaranya termasuklah individu yang mempunyai keistimewaan tertentu, binatang jantan peliharaan (untuk hiasan dan perlawanan), senjata yang dipuja, perahu dan juga alat-alat muzik. Disini dinyatakan sedikit pengucapan yang terdapat dalam permainan Main Teri versi ²Mat Yaman/Jusoh Tumpat yang menyebutkan umbang sebagai alat muzik.

“Lalu hamba meletup di dalam anjung gedebat di dalam setana

Seperti orang menumbuk alu dua meniga

Mendengarkan syair ayah sekali dengan Umbang Sakti Nobat Jawa

Canang kelanang muri dandi nafiri

Lantas terus kedalam anjung tujuh setana lima

Lalu tersedar Raja, tersenang Dewa, teradu Balang

Terhenti Raja Segunung, Dewa Sekayang, Balang Searas

Menggerak Raja, Melimbar Dewa, Bergoncang Balang

Tubuh hamba ada dengan bernama, badan hamba ada dengan bergelar

Balang Putih bendera Raja, Balang Kecil Berma Indera Syahdan

Balang keluar di pintu Kamarullah, baling berpijak di atas Sang Nagahari

Ketika lima, angka empat, kepala tujuh”

²Temuramah dengan Che Mat Jusoh, Mat Yaman merupakan seorang ahli Main Teri dalam tahun 60 an berasal dari Tumpat bersama Jusoh Tumpat atau Jusoh Bijak berasal dari Kampung Tanjung Dat, Tumpat merupakan penggiat kesenian Main Teri di Kelantan dalam tahun 1960 an.

Secara fizikalnya sebuah rebab seperti yang kita lihat sekarang ini tidak lagi mengalami apa-apa perubahan dari zaman sebelumnya. Cuma ada sedikit sahaja bahagian yang telah mengalami perubahan iaitu pemakaian tali. Kalau pada zaman awalnya hanya dipakai tali benang sahaja untuk ketiga-tiga tali rebab tetapi telah ditukar kepada tali yang dibuat daripada logam seperti perak, suasa atau tembaga yang dijangat halus berbentuk kawat/dawai untuk dijadikan tali rebab. Perubahan ini telah dapat diterima pakai oleh pemain-pemain rebab pada masa itu kerana dengan menggunakan tali logam, bunyinya lebih kuat jika dibandingkan dengan rebab yang memakai tali benang. Pada awal tahun 60-an sekali lagi pembaharuan telah dibuat iaitu dengan menukarkan tali tembaga atau perak kepada tali gitar akustik yang diperbuat daripada steel. Tali gitar akustik yang sesuai ialah G-3rd , D-4th , A-5th . Penggunaan tali gitar ini berterusan sehinggalah kehari ini kerana pertamanya: bunyi lebih mantap, kuat dan jelas daripada tali sebelumnya. Kedua-nya mudah dibeli dikedai-kedai yang menjual peralatan muzik dan kedai-kedai biasa dengan harga yang berpatutan. Begitu juga dengan penggeseknya, jika dahulu digunakan selaput dada kelapa yang menyerupai kain guni yang terdapat pada celah pelepah, tetapi sekarang telah pun diganti dengan tali nylon atau tangsi yang halus sahaja.

Kedudukan rebab dalam muzik tradisional Melayu baik dalam lagu instrumental atau pun mengiringi nyanyian, kedua-duanya sangat penting, kerana rebab lah satu-satunya alat yang membawa melodi dalam kumpulan muzik tradisional tersebut selain serunai. Kalau dalam permainan Makyung

ada juga yang menyebut rebab adalah sebagai guru lagu atau pembimbing lagu



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

1.2: Latar Belakang Projek

Projek ini dilakukan bertujuan untuk mendokumentasikan kaedah yang paling asas berkaitan teknik atau kaedah yang di guna pakai dalam pengajaran dan pembelajaran bermain rebab. Apabila kita ingin mempelajari sesuatu terutama ilmu yang berkaitan dengan teknik pembelajaran muzik tradisional, tentu kita akan mencari orang yang mahir dalam ilmu muzik tradisional tersebut. Begitu juga tentang ilmu atau kemahiran menggesek rebab, mestilah dipelajari melalui atau mencari guru yang mahir dan berpengalaman dalam bermain rebab. Namun begitu rujukan atau dokumentasi yang boleh menjadi modul kepada asas bermain belum pernah diterbitkan.

Dengan penghasilan projek buku Pengenalan Asas Rebab Kelantan ini diharapkan satu langkah ke arah penghasilan buku-buku pembelajaran teknik bermain rebab yang lebih efektif lagi pada masa hadapan. Penggubalan Kurikulum Baru Sekolah Menengah (KBSM), telah memperuntukkan pengajaran dan pembelajaran muzik tradisional, iaitu muzik Makyung, Wayang Kulit, dan Muzik Ensembel Gendang Silat. Akan tetapi sebahagian besar guru-guru muzik sekarang kurang berkemampuan untuk melaksanakan pengajaran dan pembelajaran teknik atau kaedah permainan rebab dan terpaksa menggunakan tenaga pengajar dari luar iaitu penggiat seni yang



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

mahir dalam bidang tersebut. Jika diperhatikan kedudukan dan penggunaan rebab dari dahulu hingga sekarang fungsinya tetap sama memainkan lagu-lagu utama dalam persembahan teater Makyung. Tetapi sayangnya lebih separuh daripada lagu-lagu tersebut sudah tidak dimainkan lagi dan mungkin telah mengalami kepupusan dan tak dapat didengar lagi sekarang ini, apatah lagi untuk mempelajari lagu-lagu tersebut. Bahkan mengikut penelitian saya dinegeri Kelantan sendiri sudah lama tidak kedengaran lagu-lagu seperti itu lagi.

Pada tahun 1975 telah diadakan pertandingan rebab di Kota Bharu anjuran Pejabat Kebudayaan Negeri Kelantan. Dalam pertandingan tersebut Puteh Ismail dari Kg. Pauh, Badang telah mendapat johan dengan gesekan lagu wajibnya *Dan Dondang*. Khabarnya pertandingan tersebut telah dibuat beberapa kali pada tahun-tahun berikutnya. Tetapi semakin lama semakin berkurangan dan tidak mendapat sambutan disebabkan pemain-pemainnya semakin tua dan uzur malah ada yang telah meninggal dunia, pergi membawa lagunya bersama tanpa meninggalkan sebarang dokumentasi muzik kepada pemain yang masih ada.

Dalam konteks alam Melayu, rebab dikategorikan sebagai alat gesekan berdasarkan cara alat muzik itu menghasilkan bunyi (Siti Zainon, 2000)³. Walaupun masih ada kumpulan Makyung sekarang ini, tetapi untuk mendapatkan pemain yang boleh menggesek rebab lagu 'Mengadap Rebab' amat sukar sekali dicari, padahal lagu itulah yang wajib dimainkan setiap kali persembahan Makyung diadakan. Kemahiran permainan mereka akan terkubur jika tidak ada kaedah dan teknik

³ Peranan dan Penggunaan Alat Muzik Tradisional Dalam Adat Istiadat Melayu Dalam Alat Muzik Tradisional, Daya dan Bunyi, Kuala Lumpur, Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia.

pengajaran yang betul atau didokumentasikan. Selaras dengan kenyataan ini

Mohamed Ghouse Nasuruddin menyebut ustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah  PustakaTBainun  ptbupsi

... “ketika ini hampir semua pemain muzik tradisional adalah orang yang lewat umur. Tidak terdapat barisan pelapis di kalangan anak-anak muda kerana kebanyakan muda-mudi lebih tertarik dengan muzik Barat yang jauh lebih popular daripada muzik tradisional. Keadaan ini berlaku kerana pengaruh muzik Barat telah menyerap ke dalam cara hidup masyarakat Malaysia akibat daripada pengaruh media elektronik dan media cetak serta peranan saluran pendidikan yang menggalakkan pengajian muzik Barat”. (Mohamed Ghouse Nasuruddin: Seni Persembahan Tradisi Menjelang Awal Abad ke 21, 1994:6-9).

Situasi ini diperkuatkan lagi oleh Ariff (1990:4-5), yang menyebut bahawa kurangnya pemuzik-pemuzik yang boleh memainkan alat-alat muzik yang digunakan dalam persembahan lagu-lagu tradisional. Keadaan ini akan bertambah buruk lagi dari semasa ke semasa jika dibiarkan berterusan. Generasi-generasi akan datang tidak akan lagi berpeluang langsung mendengar dan mengenali apakah dia tradisi muzik asli warisan nenek moyang mereka. Dalam konteks ini rebab juga tidak terkecuali menerima nasib yang sama.

 05-4506832  pustaka.upsi.edu.my  Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah  PustakaTBainun  ptbupsi

Pada pandangan penulis, permainan rebab bukan lagi mempunyai harapan masa depan yang baik. Kekurangan minat dikalangan generasi muda hari ini terhadap teater Makyung yang ada hubungkait dengan permainan rebab ini amat membimbangkan. Malah yang lebih membimbangkan lagi ialah tidak ada golongan pelapis muda yang boleh mewarisi teknik-teknik dan nilai tradisi yang berkaitan dengan rebab, sedangkan Kementerian Pendidikan Malaysia dan Jabatan Kesenian dan Warisan Negara (JKKN) memberikan galakan dan sokongan dalam memperkembangkan lagi muzik tradisi disekolah-sekolah seluruh negara.

 05-4506832  pustaka.upsi.edu.my  Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah  PustakaTBainun  ptbupsi

Berdasarkan pernyataan di atas, satu penghasilan dokumentasi berkaitan dengan permainan rebab perlu dilakukan. Diharapkan agar penghasilan projek ini boleh membantu proses pengajaran dan pembelajaran muzik tradisional disekolah-sekolah khususnya di sekolah menengah yang melibatkan penggunaan rebab dalam suatu ensemble muzik tradisional masing-masing.


1.3 Pernyataan Masalah

Ensembel muzik di alam Melayu lebih didominasi oleh alat-alat perkusi daripada kumpulan membranofon seperti alat pengendangan serta idiofon seperti gong dan canang yang kaya dengan elemen ritma. Alat-alat perkusi ini digabungkan dengan vokal. Alat muzik tiupan erofon atau alat bertali kordofon bagi member suntikan melodi untuk melengkapkan bentuk muzik yang dimainkan (Azhar Abdul Latif (2009), Seni Muzik Dalam Institusi Raja Melayu: Kajian Jenis, Perkembangan dan Peralatan Muzik Dalam Konteks Tradisi Istana).

Selaras dengan perkembangan ilmu melalui tranformasi teknologi yang berubah mengikut era globalisasi dunia teknologi maklumat masakini mendorong kepada keinginan untuk mewujudkan bahan-bahan rujukan terkini sumber ilmiah terhadap kesenian permainan alat muzik tradisional khususnya rebab. Perkembangan muzik popular yang seakan-akan menenggelamkan kebudayaan tradisi Melayu khususnya di negeri Kelantan, menyebabkan minat dan kemahuan untuk mendalami permainan rebab hambar dikalangan generasi muda atau golongan pelapis ketika ini.

Terdapat permasalahan mengapa perlunya projek ini dibangunkan iaitu:

- i. Ketidadaan bahan-bahan sebagai sumber rujukan asas untuk bermain rebab yang diterbitkan.
- ii. Ketidadaan dan kekurangan guru yang boleh mengajar asas bermain rebab.
- iii. Kekurangan institusi pendidikan yang menawarkan kursus asas bermain rebab.
- iv. Ketidadaan peluang bagi generasi baru atau pelapis untuk belajar asas bermain rebab.
- v. Tiada kurikulum standard yang digubal untuk proses pengajaran dan pembelajaran asas bermain rebab.
- vi. Sistem pembelajaran secara tradisional asas bermain rebab sedia ada sekarang lambat dan kurang berkesan.



1.4 Tujuan Projek



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

1.4.1 Tujuan projek ini adalah untuk:

- i. Membina sebuah buku 'Pengenalan Asas Rebab Kelantan'.

1.5 Kepentingan projek.

- i. Sebagai bahan yang boleh dijadikan rujukan untuk proses pengajaran dan pembelajaran teknik asas bermain rebab.
- ii. Sebagai bahan tambahan kaedah pengajaran asas bermain rebab yang sedia ada.
- iii. Sebagai bahan rujukan untuk pengajaran dan pembelajaran muzik Kurikulum Baru Sekolah Menengah (KBSM).
- iv. Sebagai satu usaha mengekalkan warisan budaya seni muzik tradisional dan memartabatkan kesenian tradisi bermain rebab dalam persembahan Makyung dan Main Teri dikalangan generasi muda, pelapis dan peminat-meminat muzik tradisional khususnya di negeri Kelantan dan Malaysia amnya.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Teknik bermain rebab biasanya dipelajari secara diwarisi secara turun-temurun, iaitu dari bapa kepada anak-anaknya yang berminat. Kebelakangan ini pemain rebab yang mahir ramai yang telah meninggal dunia dan kemahiran mereka jarang lagi diwarisi oleh anak cucu mereka. Hal yang demikianlah menyebabkan generasi pelapis pemain rebab gagal diwujudkan, kalau ada pun dalam jumlah



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

yang tidak ramai dan hanya mereka yang berminat sahaja masih meneruskan kemahiran bermain rebab sebab salah satu cabang kegiatan seni muzik tradisional.

1.6 Batasan Projek

Dalam melaksanakan projek berbentuk buku 'Pengenalan Asas Rebab Kelantan' ianya telah menghadapi pelbagai batasan kerana sehingga kini tiada sebarang buku yang diketengahkan oleh individu yang benar-benar pakar dalam permainan rebab. Kekurangan bahan rujukan tentang kaedah dan teknik bermain rebab menyebabkan maklumat tentang teknik dan kaedahnya begitu sukar diperolehi.

Batasan tersebut adalah kerana projek ini adalah terhad dan merujuk kepada rebab Kelantan. Rebab yang dimaksudkan itu ialah rebab yang digunakan dalam persembahan muzik dramatari Makyung yang popular di negeri Kelantan.

Projek ini dibina dengan menggunakan adunan teks, visual, menggunakan perisian teks Microsoft Word, Scanner MP Navigation Canon MP145, MyScan Scanner Mouse dan gambar foto diambil menggunakan iphone 5 dan lain-lain lagi.

Selain dari itu kesukaran dan kekangan masa telah membataskan waktu untuk mencari maklumat yang diperlukan dalam penghasilan projek ini. Walaupun demikian seramai tiga orang pemain rebab yang boleh diklasifikasikan sebab pakar yang sangat mahir, sederhana dan yang baru mahir bermain rebab telah dipilih iaitu Encik Che Mat Bin Jusoh (Pusat Pengajian Seni, USM Pulau Pinang), Encik Hussin Bin Jusoh

(Pak Sin), Karyawan Tamu di Fakulti Muzik dan Seni Persembahan UPSI dan Encik

Mohd Haniff Bin Nasir, Pemuzik di Fakulti Muzik dan Seni Persembahan UPSI.

1.7 Definisi Istilah

Definisi ini akan menerangkan mengenai istilah yang akan digunapakai secara berulang-ulang dalam proses menyiapkan buku ini.

Tajuk projek ‘Pengenalan Asas Rebab Kelantan’.

1.8 Rumusan

Secara keseluruhan dalam bab pengenalan ini menjelaskan tentang latar belakang keseluruhan projek, pernyataan masalah dalam menghasilkan projek, tujuan projek dibangunkan, kepentingan projek, batasan yang dihadapi sewaktu menghasilkan projek, definisi istilah yang digunapakai dalam membina projek buku ‘Asas Bermain Rebab’ ini.

Pembinaan projek ini akan dapat memberikan kelangsungan seni warisan seni yang bermanfaat sebagai bahan untuk membantu mereka yang berminat dan ingin mempelajari bermain rebab dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran muzik tradisi. Diharap penghasilan projek ini boleh digunakan oleh mereka yang ingin mempelajari permainan alat muzik rebab, sebagai pemain baru dan rujukan kepada pencinta alat muzik rebab itu sendiri.

BAB 2



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

PROSEDUR MEMBANGUNKAN PRODUK

2.1 Pengenalan

Perbincangan dalam bab ini merangkumi prosedur yang dilalui dalam menghasilkan projek buku 'Pengenalan Asas Rebab Kelantan'. Langkah yang dilakukan adalah mengikut senarai dalam proses membina projek ini, iaitu:

- 2.1.1 Mendapatkan maklumat dan data-data tentang rebab
- 2.1.2 Mengkategorikan dan mengklasifikasikan data yang terkumpul.
- 2.1.3 Menganalisis dan menyusun data mengikut kategori dan tema.
- 2.1.4 Menetapkan bab mengikut kategori dan tema.
- 2.1.5 Melaksanakan kerja-kerja editing mengikut bab dan tema yang sesuai.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Jadual 1 : Jadual Kerja

 05-4506832

 pustaka.upsi.edu.my

 Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

 PustakaTBainun


 ptbupsi

BULAN	AKTIVITI
Ogos	Menetapkan tajuk projek yang akan dibina Mengumpul maklumat Mengklasifikasi maklumat
September	Membuat perbincangan dengan penyelia Menentukan bentuk projek Mengumpulkan data-data yang diperlukan
Oktober	Mengklasifikasikan data mengikut kategori dan tema Menemubual responden Membuat rakaman audio dan video
November	Menulis dan membuat penyusunan data Membuat penyuntingan Membuat penambakan
Disember	Hantar kertas projek

2.2 Mendapatkan dan mengumpul maklumat dan data berkaitan Rebab.

Bagi tujuan mendapatkan maklumat dan data-data yang diperlukan untuk membina projek buku ‘ Pengenalan Asas Rebab Kelantan’ ini beberapa tindakan telah diambil mengikut prosedur yang ditetapkan. Beberapa kaedah pengumpulan data telah dilakukan.

Antara nya ialah menggunakan kaedah sebagaimana yang dikemukakan Cresswell (1998).



Rajah 1: Kaedah Pengumpulan Data

Antara metod yang digunakan adalah temubual, rakaman gambar, rakaman audio, Rakaman video dan juga secara pemerhatian.